



# PELANCONGAN DAN HOSPITALITI

## *Dalam Islam*

AINUL FARHAAN BINTI HARUN  
NORZIRA BINTI AHMAD  
SOLHAL HUDA BINTI SAHIDAN



# PELANCONGAN DAN HOSPITALITI DALAM ISLAM

Ainul Farhaan binti Harun  
Norzira binti Ahmad  
Solhal Huda binti Sahidan

# Senarai Penulis



*Ainul Farhaan binti Harun*

Pensyarah Unit Pendidikan Islam dan Moral  
Jabatan Pengajian Am,  
Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin



*Norzira binti Ahmad*

Pensyarah Unit Pendidikan Islam dan Moral  
Jabatan Pengajian Am,  
Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin



*Solhal Huda binti Sahidan*

Pensyarah Unit Pendidikan Islam dan Moral  
Jabatan Pengajian Am,  
Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin

**Penasihat**

Suhaila binti Mustaffa

**Penulis**

Ainul Farhaan binti Harun  
Norzira binti Ahmad  
Solhal Huda binti Sahidan

**Editor dan Semakan Bahasa**

Ainul Farhaan binti Harun  
Norzira binti Ahmad

**Konsep dan Rekabentuk**

Ainul Farhaan binti Harun

Terbitan 2023

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat, sama ada secara elektronik, gambar dan rakaman serta sebagainya tanpa kebenaran bertulis dari pihak Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia terlebih dahulu.

Diterbitkan oleh:

Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS)  
Pauh Putra, 02600 Arau, Perlis  
No. Tel : 04-988 6200  
No. Fax : 04-988 6300  
[www.ptss.edu.my](http://www.ptss.edu.my)



# Isi Kandungan

Pengenalan	1
Kata Aluan	2
<b>Pelancongan dan Hospitaliti Dalam Islam</b>	<b>21-52</b>
Pelancongan dalam Islam	22
Definisi pelancongan	23
Tujuan pelancongan	24
Kategori pelancongan menurut Islam	25
Ruksah seorang musafir	26-32
Etika Pelancongan	33
Gambaran alam sekitar berdasarkan al-Quran	34-35
Konsep hospitaliti dalam Islam	36
Prinsip rumah penginapan	37-40
Konsep halalan toyibban	41-44
Makanan dan minuman berkhasiat menurut al-Quran	45
Sembelihan menurut Islam	47-51
Isu-isu berkaitan pelancongan dan hospitaliti dalam Islam	52
<b>Latihan Pengukuhan Interaktif</b>	<b>53-67</b>
<b>Rujukan</b>	

## *Prakata*

Pelancongan dan Hospitaliti Dalam Islam mengupas tentang topik-topik berkaitan istilah pelancongan dalam Islam, tujuan dan hikmah pelancongan dalam Islam dan juga ruksah untuk para musafir.

eBook ini bertujuan memberi gambaran yang jelas tentang kaitan Islam dalam dunia realiti dan pelaksanaannya dalam kehidupan seharian para pelajar.

eBook yang dilengkapi dengan grafik dan juga videografik ini adalah bertujuan memudahkan para pelajar untuk menguasai topik-topik yang terkandung dalam kursus ini di samping menyediakan latihan pengukuhan dalam pelbagai kaedah dan sangat menarik. Latihan interaktif turut dilampirkan dalam eBook ini sebagai pengukuhan terhadap kefahaman para pelajar terhadap topik yang dipelajari.

Diharapkan penghasilan buku ini dapat menarik minat sekaligus membantu para pelajar memahami konsep Islam dan melaksanakannya dalam kehidupan seharian.



# PELANCONGAN DAN HOSPITALITI DALAM ISLAM



Pelancongan dalam Islam | Etika Pelancongan | Gambaran Alam Sekitar Berdasarkan Al-Quran dan Sunnah | Konsep Pengurusan Rumah Penginapan | Konsep Halalan Toyyiban | Cara Sembelihan Mengikut Syarak | Adab Dalam Perkhidmatan Pelanggan

# Pelancongan Dalam Islam



Apa pandangan Islam tentang pelancongan

Menurut Islam, pelancongan bermula sejak kelahiran Nabi Adam di mana baginda memulakan pengembaraanya ke seluruh pelosok dunia.

Nabi Ibrahim mengembara dan bermusafir dalam proses membina Kaabah. Manakala Nabi Yusuf juga mengembara sehingga beliau dilantik menjadi menteri.

Nabi Sulaiman dikurniakan dengan mukjizat yang membolehkan baginda ke merata tempat dalam sekilip mata dengan bantuan jin.

Rasulullah SAW mengembara sejak usia remaja atas urusan perniagaan dan juga dakwah.

Hal ini jelas menunjukkan bahawa pelancongan dan permusafiran adalah sesuatu yang selari dengan syariat Islam dan telah diamalkan terlebih dahulu oleh para nabi.

Tetapi haruslah diingatkan bahawa sesuatu pelancongan atau permusafiran haruslah tidak melanggar batasa syariat dan adab yang telah digariskan oleh agama Islam.



# DEFINISI PELANCONGAN



Terdapat beberapa istilah yang boleh dikaitkan dengan pelancongan. Menurut Dr. Hasan Baharom et al. (2010):

1

## MUSA FIR

Safara; pergi, berjalan, mengembara. Kamus Dewan (2005), orang yang masih dalam perjalanan.

2

## ZIARAH

Berasal dari 'zara' bermaksud menziarahi, melawat, bertandang, kunjungan ke rumah rakan atau sesuatu tempat.

3

## RIHLAH

Berasal dari 'rahala' bermaksud dari satu tempat ke satu tempat. Rihlah pula bermaksud berjalan dan berlalu (walk and go)

4

## SIYAHAH

Berasal dari perkataan 'saha' membawa maksud mengembara di bumi. Siyahah pula bermaksud pengembalaan dan pelancongan.

5

## UMRAH DAN HAJI

Umrah adalah menziarahi Baitullah pada bila-bila masa mengikut syarat, rukun dan perkara wajib. Haji pula adalah menziarahi Baitullah al-Haram pada bulan-bulan haji mengikut syarat dan rukun tertentu.

# Tujuan Pelancongan Dalam Islam



Islam adalah agama yang fleksibel dan realistik. Oleh yang demikian, Islam mengharuskan penganutnya untuk melancong atas sebab-sebab dan urusan yang tidak menyalahi syariat. Sesuatu pelancongan itu seharusnya tidak melibatkan maksiat dan hiburan semata-mata. Matlamat pelancongan mestilah selari seperti yang dijelaskan dalam al-Quran dan hadis. Antaranya:



## Menambah iman

Memerhati keagungan ciptaan Allah di samping berzikir memuji segala kebesaran Allah. Rasa kehambaan akan timbul melalui pemerhatian terhadap kejadian alam.



## Ambil pengajaran

Banyak iktibar dari kesan peninggalan sejarah umat terdahulu bleh diambil dari aktiviti melancong. Seperti kisah kaum Nabi Luth, bencana di Acheh dan senibina Islam di Turki



## Ingin perjuangan para nabi

Ziarah di kota bersejarah Islam yang ada tinggalan perjuangan para nabi akan membolehkan kita sentiasa mengingati jasa mereka. Seperti ziarah kota Mekah dan Madinah dan Mesir.



## Mencari ilmu

Mengembara dan bermusafir untuk tujuan mencari ilmu fardu ain mahupun ilmu fardu kifayah amat dituntut dalam Islam. Oleh yang demikian kita perlu sentiasa menanamkan rasa cintakan ilmu dan bermusafir untuk menambahkan pengetahuan.




## Erathkan silaturahim

Kunjungan dan ziarah-menziarahi amat digalakkan dalam Islam kerana ia mampu mengeratkan hubungan silaturahim. Seperti sabda baginda Rasulullah "Sesiapa yang mahukan rezekinya bertambah, umurnya dipanjangkan, hendaklah ia menghubungi rahimnya (saudara-maranya)"

# Kategori Pelancongan Menurut Islam

WAJIB



SUNAT



Pelancongan atau permusafiran yang bertujuan untuk memenuhi tuntutan selari dengan agama dan juga ibadah. Contohnya menunaikan ibadah haji dan umrah pertama serta berjihad bagi golongan yang mempunyai kemampuan berbuat demikian serta solat lima waktu.

Pelancongan yang melibatkan aktiviti yang amat digalakkan dalam Islam seperti menziarahi sanak saudara, bertujuan untuk menyebarkan dakwah Islam, menuntut ilmu, muhasabah diri untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT. Begitu juga aktiviti menziarahi masjid dan tempat bersejarah dan berfaedah.

HARUS



Melibatkan aktiviti berdagang dan juga melancong. Seperti melancong atau bermusafir untuk tujuan perniagaan, urusan kerja dan urusan rasmi, bersukan, melakukan riadah dan rekreasi untuk merehatkan minda. Ia sama ada secara individu atau berkumpulan, mewakili negara, percutian bersama-sama keluarga untuk melihat keindahan alam dan mencari ketenangan fikiran.

MAKRUH



HARAM



Aktiviti pelancongan yang dilakukan tanpa tujuan yang baik dan matlamat, melancong secara individu (bimbang berbahaya), melancong dalam keadaan tidak mampu (kewangan atau fizikal), tidak menunaikan tanggungjawab kepada mereka yang lebih berhak, mengabaikan tugas dan amanah.

Melancong dengan tujuan untuk perkara-perkara maksiat dan kemungkaran yang ditegah oleh Allah seperti mengunjungi pusat pelacuran, kelab malam dan diskò, berjudi dan melakukan perkara sumbang dan maksiat dengan pasangan (tanpa nikah). Melancong dengan menggunakan hasil dari sumber haram juga adalah salah di sisi Islam.

# RUKSAH

## SEORANG MUSAFIR



Ruksah adalah kemudahan atau keringanan yang dikurniakan Allah kepada hambanya atas sebab-sebab dan situasi tertentu



### Solat Qasar



Solat qasar bermaksud solat yang dipendekkan. Iaitu solat empat rakaat menjadi dua rakaat. Ia melibatkan solat zuhur, solat asar dan solat isyak sahaja. Musafir dengan syarat-syarat yang selari dengan syariat Islam dibolehkan untuk solat qasar. Solat subuh dan juga solat magrib tidak boleh diqasarkan (perlu solat secara tamam: sempurna).



### Solat Jamak



Solat jamak bermaksud mengumpulkan dua solat dalam satu waktu. Contohnya mengumpulkan solat zuhur dan asar, dan solat magrib dan solat isyak dengan mengikut syarat-syarat tertentu. Solat jamak terbahagi kepada solat jamak takdim dan solat jamak takhir. Solat subuh tidak boleh dilaksanakan secara jamak atau qasar.



### Berbuka Puasa



Melibatkan aktiviti berdagang dan juga melancong. Seperti melancong atau bermusafir untuk tujuan perniagaan, urusan kerja dan urusan rasmi, bersukan, melakukan riadah dan rekreasi untuk merehatkan minda. Ia sama ada secara individu atau berkumpulan, mewakili negara, percutian bersama-sama.

# Solat Qasar



## Apa itu solat qasar ?

Solat yang dipendekkan dari empat rakaat menjadi dua rakaat sahaja. Solat ini boleh dilaksanakan semasa sedang dalam tempoh musafir dan ia melibatkan solat zuhur, asar dan isyak sahaja.




## Syarat-syarat sah

- a) Musafir tidak bertujuan maksiat
- b) Perjalanan adalah melebihi dua marhalah
- c) Diniatkan qasar solat ketika takbiratul ihram
- d) Tidak boleh mengikut imam yang sedang solat secara tamam (sempurna).
- e) Mengetahui bahawa solat qasar itu harus baginya (tahu keharusan solat qasar)
- f) Tahu tempat yang ingin dituju, jika tiada tujuan destinasi atau matlamat musafirnya, maka tidak sah solat qasar.
- g) Tidak boleh qada solat yang ditinggalkan semasa di tempat kediaman (bukan dalam musafir) tetapi boleh qada solat yang ditinggalkan semasa dalam musafir (qada secara qasar juga iaitu dua rakaat)
- h) Masih dalam keadaan musafir sehingga selesai solat qasar yang dilaksanakan.




## Contoh niat solat

أُصَلِّي فَرْضَ الْعَصْرِ رَكْعَتَيْنِ قَصْرًا لِلَّهِ تَعَالَى



**Solat adalah tiang agama, lakukanlah solat sebaiknya. Jangan sesekali meninggalkan solat disebabkan dalam musafir. Kerana Allah telah kurniakan ruksah dalam solat kepada hambaNya**

# Solat Jamak



Solat jamak bermaksud mengumpulkan dua solat dalam satu waktu. Sebagai contoh mengumpulkan solat zuhur dalam waktu solat asar (jamak takhir) atau melaksanakan dan mengumpulkan solat isyak dalam waktu Magrib (solat jamak takdim). Solat jamak terbahagi kepada jamak takdim dan juga solat jamak takhir.

## Syarat Solat Jamak Takdim



- Dimulai dengan solat waktu pertama (solat zuhur kemudian disusuli dengan solat asar)
- Niat solat jamak pada waktu solat pertama pada permulaan takbiratul ihram atau di pertengahan solat selagi belum memberi salam.
- Berturut-turut antara solat pertama dan juga solat yang kedua.
- Solat tidak diselangi oleh perbuatan lain antara kedua-dua solat tersebut. Sekiranya diselangi dengan perbuatan lain selama tempoh masa (dua rakaat) maka solat kedua hendaklah dilakukan pada waktunya.

## Syarat Solat Jamak Takhir



- Berniat untuk mentakhirkan (melewatkannya atau mengakhirkannya) solat pertama pada waktu solat kedua.
- Berkekalan musafirnya sehingga selesai kedua-dua solat.
- Tidak disyaratkan tertib (mengikut turutan) iaitu mendahului solat zuhur dan magrib semasa melaksanakan solat jamak takhir. Tetapi amat digalakkan dimulai dengan solat kedua (asar atau isyak)
- Kekal dalam musafir hingga takbir solat kedua

## Solat Jamak Takdim

Menghimpunkan dua solat fardu dan melaksanakannya dalam waktu solat pertama.

## Solat Jamak Takhir

Menghimpunkan solat fardu dan melaksanakannya dalam waktu solat kedua

Semoga pelajar-pelajar jelas tentang pelaksanaan solat jamak takhir dan solat jamak takdim, kita akan lihat pula topik niat solat jamak dan syarat sah solat



# Niat Solat Jamak Takdim



أُصلِّي فَرْضَ الظُّهُرِ رَكْعَتَيْنِ جَمْعًا تَقْدِيمٌ قَصْرًا لِلَّهِ تَعَالَى



أُصلِّي فَرْضَ الْعَصِيرَ رَكْعَتَيْنِ جَمْعًا تَقْدِيمٌ قَصْرًا لِلَّهِ تَعَالَى



أُصلِّي فَرْضَ الْمَغْرِبِ ثَلَاثَ رَكْعَاتٍ جَمْعًا تَقْدِيمٌ لِلَّهِ تَعَالَى



أُصلِّي فَرْضَ الْعِشَاءِ رَكْعَتَيْنِ جَمْعًا تَقْدِيمٌ قَصْرًا لِلَّهِ تَعَالَى



# Niat Solat Jamak Takhir



اُصلیٰ فَرْضَ الظُّهُرِ رَكْعَتَيْنِ جَمْعٌ تَأْخِيرٌ قَصْرًا لِلَّهِ تَعَالَى



اُصلیٰ فَرْضَ الْعَصِيرَ رَكْعَتَيْنِ جَمْعٌ تَأْخِيرٌ قَصْرًا لِلَّهِ تَعَالَى



اُصلیٰ فَرْضَ الْمَغْرِبِ ثَلَاثَ رَكْعَاتٍ جَمْعٌ تَأْخِيرٌ لِلَّهِ تَعَالَى



اُصلیٰ فَرْضَ الْعِشَاءِ رَكْعَتَيْنِ جَمْعٌ تَأْخِيرٌ قَصْرًا لِلَّهِ تَعَالَى



# Syarat Membolehkan Solat Jamak



Musafir yang hendak melaksanakan solat jamak hendaklah mematuhi syarat-syarat berikut antaranya adalah:

Anggaran  
2 marhalah



Sebahagian ulama mengatakan anggrannya adalah 81 km (Mustafa al-Khin, Mustafa al-Bugha, Al-al-Syarbanji). Sebahagian pula 89km (Wahbah az-Zuhaili).

Perkiraan  
sebagai musafir



Melepas sempadan kawasan bermukim bagi orang yang ingin memulakan sebuah musafir (perjalanan)

Had maksimum

3  
hari


3 hari (tempoh menetap) sesuatu tempat iaitu tidak termasuk perjalanan pergi dan balik.

18 hari : Jika tidak pasti tempoh menetap disebabkan urusan (kerja, rasmi) yang tidak pasti tempoh selesai

Cara  
pelaksanaan

- i. Himpunkan 2 solat fardu (tanpa dipendekkan)
- ii. Menghimpunkan dan memendekkan dua solat fardu (jamak dan qasar)
- iii. Memendekkan solat tanpa memendekkan

## Makna Istilah



**Musafir**

Seseorang yang melakukan perjalanan melebihi 2 marhalah.

**Mukim**

Seseorang yang menetap di satu tempat melebihi 3 hari (tidak termasuk perjalanan pergi dan pulang).

**Mastautin**

Tempat tinggal tetap atau hakiki seseorang.



# Keharusan Berbuka Puasa Bagi Musafir

Orang yang sedang bermusafir diberi kelonggaran dan keringanan untuk berbuka puasa (digantikan pada hari yang lain) selari dengan firman Allah yang bermaksud :



'Maka sesiapa antara kamu yang sakit, atau dalam musafir, (bolehlah ia berbuka), kemudian wajiblah ia berpuasa sebanyak (hari yang dibuka) itu pada hari-hari yang lain'

- Surah al-Baqarah 2: 185)



## Dalil Hadis



Hadis Aisyah, Hamzah bin Amr al-Aslami bertanya kepada Rasulullah SAW yang bermaksud: "Adakah (wajib) aku berpuasa ketika musafir?" Sedangkan dia seorang yang banyak berpuasa. Maka sabda Rasulullah SAW: "Jika engkau mahu engkau boleh berpuasa, jika engkau mahu engkau boleh berbuka." (Riwayat al-Bukhari - 1943)

Jika berpuasa itu menyukarkan bagi orang yang bermusafir, maka afdal baginya berbuka. Itu berdasarkan hadis daripada Jabir RA, dia berkata Rasulullah SAW bertemu seseorang di bawah teduh pohon, dalam riwayat lain, dia sedang disirami air ke atasnya, lalu Baginda bertanya orang ramai maksudnya: "Kenapa dengan (sahabat kamu) ini?" Sahabat menjawab: "Dia berpuasa wahai Rasulullah." Baginda bersabda: "Bukan daripada kebaikan, berpuasa ketika musafir." (Riwayat al-Bukhari - 1946)



# ETIKA PELANCONGAN




## ETIKA DENGAN ALLAH

Aktiviti pelancongan mestilah dengan niat dan tujuan yang baik. Ini kerana segala amalan adalah berdasarkan niat. Selain itu, peluang untuk melancong digunakan untuk melihat kebesaran Allah dan menambahkan iman. Jangan dilupa dan diremehkan ibadah wajib semasa sedang bermusafir atau melancong.



## ETIKA DENGAN MANUSIA

Penampilan yang menutup aurat dan kemas harus harus diamalkan semasa melancong. Jadikan baginda Rasulullah sebagai ikutan. Pemakaian yang sesuai mengikut aktiviti yang dilakukan amat penting dan komunikasi yang baik dan berbudi bahasa dengan masyarakat setempat juga amat perlu ditekankan. Pelancong juga perlu hormat adat dan budaya masyarakat setempat agar tidak berlaku salah faham.



## ETIKA DENGAN ALAM

Pelancong harus sedar kepada pentingnya menjaga alam sekitar dan tidak berlaku zalim terhadap makhluk ciptaan Allah itu. Elakkan dari membuang sampah di merata-rata tempat. Selain itu, adab seorang Muslim terhadap alam sekitar yang telah dianjurkan oleh Islam seperti tidak qada' hajat di tempat bertakung dan laluan awam serta lubang tersembunyi haruslah dijadikan garis panduan agar nilai adab dan akhlak Islam terpelihara.

# Gambaran Alam Sekitar

## Berdasarkan al-Quran dan Sunnah



**1 Tanda kewujudan &kebesaran Allah**

Penciptaan alam merupakan anugerah tidak ternilai Allah kepada seluruh insan. Ia tanda kebesaran dan keagungan kuasa Allah. Penciptaan alam menjadi asbab untuk manusia sentiasa berzikir memuji kuasa Allah.

Kehebatan penciptaan alam seperti dalam firman Allah dalam surah al-Baqarah (164): " Sesungguhnya pada penciptaan langit dan bumi, pergantian malam dan siang, kapal yang berlayar di laut dengan (muatan) yang bermanfaat bagi manusia, apa yang diturunkan Allah dari langit berupa air, lalu dengan itu dihidupkan-Nya bumi setelah mati (kering), dan Dia tebarkan di dalamnya bermacam-macam binatang, dan perkisaran angin dan awan yang dikendalikan antara langit dan bumi, (semua itu) sungguh, merupakan tanda-tanda (kebesaran Allah) bagi orang-orang yang mengerti.

**2 Amanah kepada manusia**

Manusia dicipta sebagai sebaik-baik ciptaan yang dikurniakan dengan akal fikiran. Oleh yang demikian, sebagai khalifah di muka bumi ini, seharusnya menjadi tanggungjawab kita untuk menjaga anugerah alam yang dikurniakan oleh Allah.

" Dunia ini hijau dan cantik dan Tuhanmu telah melantik kamu sebagai pengurusnya. Dia melihat apa yang kamu lakukan".  
(hadis Riwayat Muslim)



# Gambaran Alam Sekitar

## Berdasarkan al-Quran dan Sunnah



### 3 Sumber makanan dan minuman

Fitrah manusia memerlukan makanan dan minuman untuk kelangsungan hidup dan keperluan tenaga. Keperluan ini adalah bersumberkan dari hasil bumi dan alam. Oleh yang demikian kita perlu sentiasa bersyukur atas nikmat alam yang dikurniakan Allah kerana ia adalah sumber utama makanan dan minuman kita.

Seperti firman Allah yang bermaksud " Dan Allah menurunkan air hujan dari langit dan dihidupkannya dengan air itu bumi yang sudah mati.... (Surah al-nahl 16:65)

'Dan dia adalah (Allah) yang menjadikan (untuk kamu) kebun-kebun yang menjalar tanamannya dan yang tidak menjalar; dan pohon-pohon tamar (kurma) dan tanaman-tanaman yang berlainan (bentuk, rupa dan) rasanya; dan buah zaitun dan delima, yang bersamaan (warnanya atau daunnya) dan tidak bersamaan (rasanya). Makanlah dari buahnya ketika ia berbuah, dan keluarkanlah haknya (zakatnya) pada hari memetik atau menuainya; dan janganlah kamu melampau (pada apa-apa jua yang kamu makan atau belanjakan); sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang melampau

### 4 Tempat perlindungan

' Dan dia mengadakan di bumi gunung-ganang yang menetapnya supaya ia tidak menghayun-hayunkan kamu; dan ia mengadakan sungai-sungai serta jalan-jalan lalu-lalang, supaya kamu dapat sampai ke matlamat yang kamu tuju!'. (Surah an-Nahl 15)



# Konsep Hospitaliti

Dalam Islam



Apa itu hospitaliti



- ➡ Perkataan hospitaliti berasal dari bahasa Perancis iaitu hospice.
- ➡ Digunakan dalam Bahasa Inggeris iaitu *hospitality* : layanan yang baik, ketamuan dan keraian.
- ➡ Juga bermaksud menyambut tetamu dengan budi bahasa dan kemesraan merangkumi aspek penyediaan tempat tinggal, makanan, infrastruktur dan sebagainya.
- ➡ Konteks Islam pula, ia merujuk kepada perkhidmatan hospitaliti sewajarnya menyediakan kemudahan, infrastruktur, makanan, layanan kepada pelancong atau pelanggan dengan meletakkan nilai dan piawaian Islam sebagai keutamaan.
- ➡ Islam amat menekankan konsep hospitaliti yang tidak melangkaui batas syariat seperti pergaulan bebas, arak dan maksiat.

# Prinsip Rumah Penginapan Menurut Islam (Rekabentuk & Ruang)



## Bilik air / tandas



### ① Tidak mengadap kiblat

Kedudukan tandas tidak mengadap kiblat. Seperti sabda Rasulullah SAW seperti yang diriwayatkan oleh Salman r.a " Rasulullah SAW sesungguhnya telah melarang kami mengadap kiblat ketika membuang air besar atau kecil atau beristinjaq dengan tangan kanan, atau beristinjaq dengan batu kurang daripada tiga biji atau beristinjaq dengan kotoran haiwan atau dengan tulang". (Hadis Riwayat Muslim)



### ② Kelengkapan mandian

Menyediakan kain basahan dan kelengkapan untuk kebersihan badan seperti sabun, syampu, ubat gigi dari sumber dan bahan yang halal. Rasulullah pernah bersabda: " Sesungguhnya Allah adalah pemalu dan suka menutupi. Dia menyukai seseorang yang tahu malu dan menutupi dirinya. Oleh itu, apabila seseorang daripada kamu mandi, bertutuplah (berlindung)".

(Hadis Riwayat Abu Daud, al-Nasai & al-Hakim)




### ③ Kemudahan beristinjaq

Kemudahan beristinjaq yang perlu dititikberatkan adalah seperti menyediakan kemudahan saluran paip untuk mencuci najis ketika membuang air kecil atau air besar dan tidak hanya menyediakan tisu semata-mata. Hal ini penting untuk memastikan kebersihan ketika beristinjaq.

# Prinsip Rumah Penginapan Menurut Islam (Rekabentuk & Ruang)



## Ruang bilik



①

### Hiasan di ruang bilik

Hiasan seperti gambar-gambar haiwan, patung atau lukisan yang mencolok mata adalah dilarang dalam Islam. Patung-patung yang tidak melambangkan ciri-ciri Islam seperti patung seakan manusia, ikan duyung atau lukisan yang menyerupai agama lain adalah dilarang. Rasulullah SAW bersabda bahasa "Malaikat tidak akan memasuki rumah yang di dalamnya terdapat anjing dan gambar (patung) - Hadis Riwayat al-Bukhari, Muslim, al-Tirmidzi, al-Nasai & ibnu Majah)



## Ruang ibadat dan solat

①

### Penyediaan ruang solat dan ibadat

Antara kriteria yang perlu ada dalam ruang solat dan ibadat adalah seperti berikut:



- i. Menyediakan surau atau bilik khas yang lengkap dengan tempat wuduk
- ii. Kedudukan surau yang strategik dan mudah diakses (lokasi yang sesuai)
- iii. Menyediakan imam, bilal dan siak yang bertugas secara tetap dan konsisten
- iv. Memastikan laungan azan berkumandang setiap waktu solat

# Prinsip Rumah Penginapan Menurut Islam (Rekabentuk & Ruang)



## Ruang dapur, makanan dan restoran



### ① Ruang dapur

Ruang dapur perlulah sentiasa bersih, kemas dan menyediakan makanan yang halal dan berkualiti. Selain itu, sumber bahan mentah untuk masakan juga perlu dipastikan dari sumber yang halal dan tidak mengandungi unsur-unsur syubhah yang dilarang oleh Islam.



### ② Bentuk makanan

Penyediaan makanan dan pencuci mulut yang menjadi sunnah nabi seperti madu, zaitun, buah delima, buah tin, kismis, habbatul sauda' adalah amat digalakkan. Galakan ini ditegaskan dalam hadis baginda Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Aisyah r.a yang bermaksud " Wahai Aisyah, rumah yang tiada padanya kurma seperti rumah tiada makanan". Makanan yang haram di sisi Islam tidak boleh disajikan kepada para pelanggan.

### ③ Restoran dan ruang makan



Pihak pengurusan wajar memastikan restoran dan ruang makan menyediakan kemudahan yang selesa dan memuaskan hati pelanggan. Mereka perlu memastikan agar kerusi dan meja yang disediakan adalah mencukupi untuk pelanggan-pelanggan. Pihak pengurusan juga perlu menyediakan kerusi di ruang makan bilik seminar untuk mengelakkan pelanggan menjamu selera secara berdiri. Ini kerana Rasulullah SAW bersabda: "Janganlah salah seorang daripada kamu minum berdiri". - Hadis Riwayat Muslim

# Prinsip Rumah Penginapan Menurut Islam (Organisasi & Pekerja)



## ① Pekerja hotel dan rumah penginapan



Garis panduan dan etika kerja yang selari dengan Islam adalah seperti berikut:

- i. Menjaga etika ketika bertugas.
- ii. Mengawal batas pergaulan antara berlainan jantina.
- iii. Menjaga personaliti agar sentiasa kemas dan rapi (menutup aurat bagi wanita).
- iv. Prihatin dan jujur terhadap pelanggan

## ② Pelanggan






Pihak pengurusan hendaklah memastikan pasangan lelaki dan perempuan yang menginap merupakan pasangan suami isteri yang sah dari segi syarak. Kawasan premis hotel yang jauh dan berada di lokasi terpencil memungkinkan pergaulan bebas dan aktiviti khalwat (bedua-duaan). Rasulullah SAW berpesan dalam hadis yang bermaksud: " Tidak boleh bersunyian seorang lelaki dengan seorang perempuan yang tidak halal baginya, sesungguhnya yang ketiga adalah syaitan'.

## ③ Kemudahan umum



Kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh pihak pengurusan perlu dipertimbangkan mengikut hukum syarak adalah seperti menyediakan saluran televisyen yang bermanfaat dan berilmiah. Kelab, pusat hiburan, rumah urut, kolam renang dan infrastruktur yang disediakan perlu ada pengasingan antara lelaki dan perempuan. Pengguna kolam renang perlu diingatkan agar memakai pakaian yang sesuai namun menutup aurat selari kehendak syarak. Pihak hotel juga boleh mengedarkan risalah bermanfaat dan nasihat berguna kepada pelanggan.




# Konsep Halalan Toyyiban (HALAL DAN BERKUALITI) DALAM PEMAKANAN

Penentuan halal dan haram bukan ditentukan atau direka oleh akal manusia. Ia merupakan ketetapan mutlak dari Allah SWT yang tidak boleh dipindah.

Rasulullah SAW bersabda "Daripada Salman al-Farisi r.a semasa rasulullah SAW ditanya tentang hukum lemak, keju dan keldai hutan, Nabi Muhammad menjelaskan bahawa apa yang dihalalkan di dalam kitab Allah adalah halal dan apa yang diharamkan-Nya adalah haram, manakala apa yang didiamkan adalah kemaafan bagi kamu". (Hadis Riwayat al-Tirmidzi dan Ibnu Majah)



# Definisi Halalan Toyyiban



Perkataan 'halal' berasal dari bahasa Arab iaitu halla, yahillu, hillan yang membawa maksud membebaskan, melepaskan, memecahkan, membubarkan dan membolehkan.

Penggunaan perkataan 'halal' dalam bidang perundangan Islam, membawa maksud:

- Segala yang menyebabkan seseorang itu tidak dihukum jika menggunakannya.
- Sesuatu yang boleh dikerjakan menurut syarak.

Definisi Al-Jurjani dalam kitab al-Ta'rifat menyatakan halal adalah:



- Keharusan menggunakan benda atau apa-apa yang diperlukan untuk memenuhi keperluan jasmani seperti makanan, minuman dan ubat-ubatan.
- Berkait dengan keharusan memanfaat, memakan, meminum dan mengerjakan sesuatu yang semuanya adalah berlandaskan kepada nas.

Definisi Toyyib



Dari perkataan arab iaitu toyyibah, toyyibat, atau tuba (jamak) yang bermaksud sesuatu yang elok, baik atau berlawanan dengan buruk.

Halalan toyyiban membawa maksud sesuatu yang halal dan bersifat baik atau elok

# Konsep Halal Dalam Pemakanan



Konsep halal dan tayyiban dalam pemilihan makanan amat penting dan perlu dititikberatkan oleh umat Islam. Ini adalah kerana makanan yang baik akan menentukan pembentukan diri dan peribadi muslim yang baik. Makanan bukan sekadar membekalkan tenaga kepada kita malah, makanan yang halalan tasyyiban akan memberi kesan kepada pembentukan akhlak yang baik.


Dalil al-Quran tentang konsep halal dalam makanan



## Maksudnya:

"Wahai manusia, makanlah daripada apa yang kami berikan di muka bumi ini yang halal lagi bermutu dan janganlah kamu mengikuti jejak langkah syaitan kerana syaitan itu musuh yang nyata bagi kamu". (Surah al-Baqarah 2:168)


"Wahai orang yang beriman! Makanlah daripada benda yang baik (halal) yang telah kami kurniakan kepada kamu dan bersyukurlah kamu kepada Allah jika kamu benar-benar menyembah Allah". (Surah al-Baqarah 2:172)



# Konsep Toyyyib Dalam Pemakanan



## Definisi perkataan toyyyib




Toyyib bermakna baik. Iaitu merujuk kepada makanan yang baik untuk dimakan dan diperolehi dari sumber yang asli, suci, bersih dan menyihatkan badan. Makanan yang 'toyyib' juga membolehkan seseorang Muslim itu melaksanakan ibadah kepada Allah SWT.

## Perkataan toyyyib dalam al-Quran



Menurut Zulkifle et al., (2009), perkataan toyyyib disebut sebanyak 13 kali dalam al-Quran. Antaranya adalah dalam surah al-Baqarah (168), ali-Imran (179), al-Nisa; (2 dan 43), al-Maidah (6,88 dan 100), al-A'raf (58), al-Anfal (37 dan 39), al-Nahl (114), al-Hajj (24), al-Fathir (10)

## Toyib menurut pakar tafsir



Muhammad Quraish Shihab menjelaskan bahawa pakar-pakar tafsir menyatakan lafadz 'toyyib' (dalam konteks perintah), ia membawa maksud makanan yang tidak kotor dari segi zat atau rosak atau dicampuri najis. (Zulkifli et al., 2009)

Toyib membawa maksud sihat (zat seimbang), profesional (sesuai dengan keperluan iaitu tidak kurang atau lebih), selamat (kualiti yang baik, tidak memudaratkan dan selari dengan konsep takwa).



# Makanan & minuman berkhasiat menurut al-Quran

Pembahagian makanan berkhasiat atau berkualiti menurut al-Quran dan sunnah adalah seperti berikut:

## Buah-buahan



Saintis moden turut mengakui buah-buahan yang disebut dalam al-Quran seperti pisang, mentimun, zaitun, labu, anggur, delima, tembikai dan buah tin memiliki khasiat tertentu kepada tubuh badan manusia.

Maksud firman Allah: " (Mereka) berada di antara pohon bidara yang tidak berduri (28). Dan pohon pisang yang bersusun-susun (buahnya) (30). Dan naungan yang terbentang luas (30). Dan air yang mengalir terus-menerus (31). Dan buah-buahan yang banyak (32). Yang tidak berhenti berbuah dan tidak terlarang mengambilnya (33) - Surah al-Waqiah-

## Gizi dari haiwan



Gizi haiwan yang disebut dalam al-Quran adalah susu, madu, daging, ikan dan unggas.

Sepertimana firman Allah yang bermaksud " Dan sesungguhnya pada binatang ternakan itu benar-benar terdapat pelajaran bagi kamu. Kami memberimu minum daripada apa yang berada dalam perutnya (berupa) susu yang bersih antara tahi dan darah, yang mudah ditelan bagi orang-orang yang meminumnya - Surah an-Nahl 16:66)

Ibn Qayyim al Jauziyah dalam kitab Tib al-Nabawi menjelaskan antara khasiat susu adalah dapat menghilangkan perasaan was-was dan penyakit hati serta amat baik bagi orang yang kurus.

Susu yang diminum dengan madu dapat menyegarkan badan yang panas

Islam agama yang melangkui zaman dan selari dengan penemuan sains masa kini.

Islam adalah agama yang mengajurkan kepada gaya hidup sihat dan pemakanan berkhasiat



# Kriteria makanan dan minuman halal menurut syarak



Firman Allah dalam surah al-A'raf, ayat 157 yang bermaksud " Dan menghalalkan bagi mereka segala benda yang baik, dan mengharamkan kepada mereka segala yang buruk..."


Di dalam surah al-Maidah ayat 4 Allah berfirman yang bermaksud: " Mereka bertanya kepadamu (Wahai Muhammad) Apakah (makanan) yang dihalalkan bagi mereka? Katakanlah: Dihalalkan bagi kamu (memakan) yang baik-baik..."



## Jenis makanan halal dan haram menurut Islam



Islam amat menitikberatkan makanan halal kerana ia akan membentuk peribadi dan akhlak seseorang. Makanan yang halal dan berkualiti juga penting untuk kesihatan seseorang.



## Penyediaan makanan berkualiti menurut syarak




Penyediaan makanan yang berkualiti merangkumi elemen-elemen berikut:

- Cara pemprosesan makanan dan masakan
- Kebersihan makanan
- Penyimpanan dan juga hidangan



# Sembelihan Menurut Islam



Definisi dan hukum  
sembelihan



Bahasa arab disebut 'zabihah' iaitu sembelihan terhadap binatang yang halal dimakan mengikut syarak dengan syarat-syarat tertentu.

Hukum sembelihan adalah wajib dengan tujuan dimakan dagingnya. Binatang yang mati tanpa disembelih atau disembelih tidak mengikut syarak adalah haram. Ia dikira sebagai bangkai.



- 1 Menjamin kesihatan kerana sembelihan dilakukan untuk membuang kotoran dan darah pada bahagian binatang dengan cara yang selamat.
- 2 Binatang yang mati tercekik atau dilanggar objek (kenderaan) dan tidak melalui proses sembelihan akan menyebabkan pembekuan darah di dalam tubuh.
- 3 Mengelakkan mudarat kepada yang boleh menjaskan kesihatan.



# Kaedah Sembelihan



## AL-ZABHU

Memotong *al-halqu* (leher bahagian atas) haiwan yang ditangkap oleh manusia untuk disembelih dengan syarat-syarat tertentu

**AL-'AQRU**  
Sembelihan kerana darurat. Contoh sembelihan ini adalah melibatkan haiwan buruan seperti rusa, pelanduk dan arnab.

## AN-NAHRU

Memotong *labbah* (leher sebelah bawah) haiwan. Cara ini disunatkan semasa menyembelih unta



## Info Penting

Kaedah al-a'qru adalah mencederakan mana-mana bahagian tubuh haiwan yang boleh membawa kematian. Kaedah ini melibatkan haiwan yang liar dan lincah dan sukar dikuasai manusia.

Rasulullah menjelaskan dalam satu peristiwa ketika seorang lelaki memanah binatang liar lalu mati. Sabda baginda yang bermaksud " Sesungguhnya binatang-binatang ini memiliki sifat binatang liar, apabila ia mengatasi kamu maka lakukanlah terhadapnya seperti ini". (Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim)

# Syarat Sembelihan



## Syarat Penyembelih

- (a) Islam atau ahli kitab
- (b) Niat kerana Allah atau dengan nama Allah



## Binatang Sembelihan

- (a) Haiwan dapat dikuasai atau ditangkap masih mempunyai hayat mustaqirrah.
- (b) Putus halkum dan urat merih.
- (c) Memotong dengan cepat dan sekaligus



## Alat sembelihan

- (a) Tajam dan diperbuat daripada besi, tembaga, timah, kaca, batu dan seumpamanya.
- (b) Tidak menggunakan gigi atau kuku (tumpul dan menyiksa binatang)

# Perkara Penting Semasa Proses Sembelihan



3

## Mati sebab hentakan

Sembelihan dianggap tidak sempurna jika mati sebab hentakan benda berat dan tumpul (tidak tajam) seperti batu.



1

## Hayat Mustaqirrah

Haiwan yang disembelih mempunyai hayat mustaqirrah : meronta dengan kuat dan darahnya menyembur ketika urat halkum dan merihnya dipotong.

2

## Jika haiwan tidak meronta

Haiwan tidak meronta selepas sembelihan dilakukan dengan perlahan serta pemotongan halkum dan urat merih dilambatkan. Perkara ini tidak mempunyai hayat mustaqirrah (tidak halal dimakan)

# Perkara Sunat Semasa Proses Sembelihan



Memotong urat al-wajdaini iaitu urat yang mengelilingi halkum.




Menajamkan alat sembelihan



Menghadap ke arah kiblat semasa proses sembelihan




Haiwan sembelihan dibaringkan di rusuk kiri, kaki kanan dibebas lepas sembelihan kecuali unta



# Isu - isu berkaitan sembelihan



## Anak dalam kandungan




Haiwan yang disembelih mempunyai anak (dalam kandungan) halal dimakan daging anak haiwan tersebut. Syaratnya adalah:

Anak itu mati disebabkan ibunya (yang disembelih) seperti sabda Rasulullah SAW dalam hadis yang diriwayatkan oleh Abu Daud; daripada Abu Said al-Khudri r.a katanya: "Kami bertanyakan Rasulullah SAW tentang janin, jawab Baginda SAW: Makanlah ia jika kamu, sesungguhnya sembelihannya cukup dengan sembelihan ibunya".



## Anggota haiwan terpotong




Anggota haiwan yang terpotong semasa haiwan itu masih hidup adalah dikira najis (dikira sebagai bangkai). Contoh; Lembu yang kemalangan dan terputus sebelah kakinya. Kaki yang terputus itu adalah dikira sebagai bangkai (najis) dan haram dimakan.

Hukum ini adalah terkecuali untuk ikan. Ini kerana ikan dan haiwan laut lain tidak disyaratkan untuk disembelih seperti haiwan darat.

Rasulullah ditanya tentang potongan lemak bonggol unta dan lemak kambing. Baginda menjawab yang bermaksud "Bahagian yang dipotong daripada binatang hidup adalah sama seperti bangkai". (Hadis Riwayat al-Mustadrak)

# Isu-Isu Berkaitan Pelancongan dan Hospitaliti Islam



Hotel dan rumah penginapan yang tidak cakna dengan pasangan bukan mahram

Pekerja muslim menghidangkan arak kepada tetamu di hotel atau rumah penginapan

Kilang penyimpanan daging yang dicampur dengan daging khinzir

Orang Islam makan di kedai bukan muslim ( trend makanan viral)



Kedai makan yang kotor dan tidak memenuhi kriteria kebersihan Islam



Beri pandangan anda tentang isu-isu yang berlaku melibatkan bidang pelancongan dan hospitaliti Islam.



# Latihan Pengukuran Interaktif



# Latihan Pengukuran



Quizizz : Pelancongan



Permainan dalam talian melibatkan aplikasi pendidikan (gamification) seperti Quizizz, Wordwall, Kahoot dan Quizwhizzer



Latihan interaktif dalam talian melibatkan Google Form dan Liveworksheet



Selamat menguji minda dan kefahaman anda melalui latihan interaktif dan permainan dalam talian yang disediakan.




Quizizz: Istilah Pelancongan



Quizizz: Istilah Pelancongan



Wordwall: Kebersihan Diri



Wordwall: Jenis-Jenis Air




Liveworksheet: Hadas dan Najis



Liveworksheet: Hadas dan Najis



Wordwall: Najis Mutawassitah



# Rujukan

1. [Http://mufti.terengganu.gov.my/index.php/bayanalmunir/persoalan/43-4-beza-qada-dan-qadar](http://mufti.terengganu.gov.my/index.php/bayanalmunir/persoalan/43-4-beza-qada-dan-qadar)
2. Norazmin Mohamed Saleeh, Wan Mohd Zul Wan Yusuf, Mohd Taha Rulam Ahmad (2015), Pelancongan dan hospitaliti dalam Islam: Oxford Fajar Sdn.Bhd
3. [Https://www.mywilayah.com/2019/12/makna-musafir-bermukim-bermastautin-dan.html](https://www.mywilayah.com/2019/12/makna-musafir-bermukim-bermastautin-dan.html)
4. [Https://www.hmetro.com.my/addin/2018/06/348111/kelonggaran-berpuasa-ketika-musafir \(11 Jun 2018\)](https://www.hmetro.com.my/addin/2018/06/348111/kelonggaran-berpuasa-ketika-musafir)
5. [Https://www.youtube.com/watch?v=w1kQpkAgQdc](https://www.youtube.com/watch?v=w1kQpkAgQdc)
6. Muhammad Hanief Awang Yahya (2021). Kompas hidup bersyariat 300 aplikasi kaedah fiqh dalam kehidupan seharian: PTS Publishing House Sdn.Bhd



PELANCONGAN DAN HOSPITALITI DALAM ISLAM

e ISBN 978-629-7514-32-1



9 786297 514321